

## EDITORIAL

This issue marks the beginning of a new publication series by *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* (KAJH) as it shifts from an annual to a biannual publication. This timely move happily coincides with the journal's acceptance into the SCOPUS citation index which presents an opportune occasion for the journal to revisit the humanities discipline, to take stock of its role in knowledge advancement and its place in social development. Thus, it is fitting that this issue of KAJH carry two thought-provoking articles on the centrality of the humanities as an agent of sustainability as well as change. In the article 'Towards a Restoration of the Humanities in the Future University: Asia's Opportunity', the author argues that from the 'ruins' of Western Humanities and amidst the global changes that are taking place, there is an opportunity for the humanities to take on a leading role 'in university-based knowledge building and education'. This, the author suggests, should begin in Asian universities where there is space for reinventing the humanities befitting the 21<sup>st</sup> century glocal revolution. The second article on the humanities, 'Empowering the Humanities: A Focus on Language Studies', is a keynote address that was delivered at an international humanities conference. In keeping with the theme of the conference which is *Empowering the humanities in upholding heritage, knowledge, people and nature*, the paper focuses on the vital role of the humanities as an academic discipline in society and development. Drawing inspiration from the area of linguistics, a sub-discipline of the humanities, the author argues that overlaps between disciplines can and should be harnessed to empower the humanities. Crucially, the author elegantly suggests, '(c)ollaborating rather than isolating is a powerful method in the generation of new ideas for the development of society'.

Indeed, it is the collaboration between disciplines in the humanities that allows for the meeting of linguistics and divine revelation in the article 'Language Acquisition, Linguistic Creativity and Achievement: Insights from the Qur'an'. The issue of language acquisition has always been the concern of the area of linguistics. In this article, however, the author draws evidence from research in the Arab context with regard to the tradition of learning the Qur'an to present an alternative view on language acquisition, creativity and attainment. The article, in essence, suggests that there is a strong relationship between learning the Qur'an by heart and language as well as scholastic achievement.

The potential of the humanities to converge methods and the permeability of the area made possible the inclusion of two other articles in this issue that are diametrically opposite in terms of concern and methodology, but which fall within the scope of the humanities. The article 'A Marxist Interpretation of the Dystopian Society in the African Novel' as the title suggests is an analysis of a

social concern based on literary work. Based on the writings of two 'less canonised novelists', the discussion of dystopia in fictional Africa is not only engaging, but also, provocative. Just as interesting is the issue of the effects of the global on the local in the article 'Foreign Direct Investment and Development of Electric and Electronic Products Industry in Penang State, 1970–2007'. The article discusses the impact of global changes on local socioeconomic and geographical development, particularly in the state of Penang in Malaysia, and highlights the resulting challenges that are faced by the state to remain an industrial hub.

Hajar Abdul Rahim  
Editor-in-Chief  
September 2011

## RENCANA PENGARANG

Isu kali ini menandakan permulaan siri penerbitan baru *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* (KAJH) dengan perubahan daripada penerbitan sekali setahun kepada dua isu setahun. Anjakan ini berlaku seiring dengan penerimaan masuk KAJH ke dalam indeks rujukan SCOPUS dan hal ini memberi peluang kepada jurnal ini untuk mengimbuai kembali disiplin kemanusiaan, menilai semula peranannya dalam kemajuan pengetahuan dan kedudukannya dalam perkembangan sosial. Maka wajarlah isu ini memuatkan dua artikel yang bertumpu kepada kemanusiaan sebagai agen kelestarian dan perubahan. Dalam artikel bertajuk 'Towards a Restoration of the Humanities in the Future University: Asia's Opportunity', penulis mencadangkan bahawa keruntuhan Kemanusiaan Barat dan perubahan global yang sedang berlaku telah membuka peluang kepada bidang kemanusiaan untuk memegang peranan utama dalam pembinaan pengetahuan dan pendidikan yang berasaskan universiti. Hal ini, sebagaimana yang dicadangkan oleh penulis, perlu bermula di universiti di Asia yang mempunyai ruang untuk membentuk semula bidang ini mengikut acuan revolusi glokal abad ke-21. Artikel kedua tentang kemanusiaan yang bertajuk 'Empowering the Humanities: A Focus on Language Studies' pula merupakan ucap-tama yang telah disampaikan di sebuah persidangan antarabangsa tentang kemanusiaan. Selaras dengan tema persidangan tersebut, yakni memperkasa Kemanusiaan demi mengekalkan warisan, pengetahuan, manusia dan alam semulajadi, artikel ini bertumpu kepada peranan utama kemanusiaan sebagai sebuah disiplin akademik dalam masyarakat dan pembangunan. Bersandarkan inspirasi daripada bidang linguistik, iaitu salah satu subdisiplin dalam kemanusiaan, penulis menghujahkan bahawa pertindihan antara disiplin boleh dan perlu digunakan untuk memperkasa kemanusiaan. Penulis juga mencadangkan bahawa kolaborasi antara bidang merupakan metodologi yang mantap yang boleh diguna pakai untuk menjana idea baharu demi kemajuan masyarakat.

Sesungguhnya, kolaborasi antara disiplin inilah yang mengizinkan pertemuan antara bidang linguistik dan wahyu ketuhanan dalam artikel 'Language Acquisition, Linguistic Creativity and Achievement: Insights from the Qur'an'. Isu pemerolehan bahasa yang sering kali dititikberatkan dalam bidang linguistik dibincangkan dalam artikel ini berdasarkan bukti daripada penyelidikan berkenaan tradisi membaca al-Quran dalam konteks Arab. Artikel ini pada asasnya mencadangkan bahawa terdapat hubungan yang penting antara mempelajari al-Quran dengan sepenuh hati dan bahasa serta kejayaan dalam pendidikan.

Potensi bidang kemanusiaan untuk menggabungkan metodologi, dan keanjalan bidang ini membolehkan dua artikel yang berlainan dari segi isu dan metodologi dimuatkan dalam isu ini. Artikel bertajuk 'A Marxist Interpretation of the Dystopian Society in the African Novel' merupakan analisis isu sosial berasaskan karya sastera. Berdasarkan penulisan oleh dua orang novelis, perbincangan mengenai '*dystopia*' dalam fiksyen Afrika ini bukan sahaja menarik malah provokatif. Sama juga menariknya ialah artikel bertajuk 'Pelaburan Langsung Asing dan Pembangunan Industri Barangan Elektrik dan Elektronik di Negeri Pulau Pinang, 1970–2007'. Artikel ini membincangkan impak perubahan di peringkat global terhadap perkembangan sosioekonomi dan geografi tempatan, terutamanya di Pulau Pinang, Malaysia, dan cabaran yang dihadapi oleh negeri tersebut untuk terus kekal sebagai sebuah hub industri.

Hajar Abdul Rahim  
Ketua Pengarang  
September 2011